

Sheik jaya tebus kalah di Jakarta

Berita Harian, 2 July 1999, Page 32

Article also available on Microfilm Reel NL21813

Printer-Friendly Page

Sheik jaya tebus kalah di Jakarta

Oleh YUSOFF A. RAHMAN.

SUMPAH pahlawan harus menebus kekalahan.

Itulah yang telah dibuktikan oleh Sheik Alauddin.

Beliau berjaya menebus kekalahannya di tangan johan dunia, Trias Pojok, 3-2 dalam perlawanannya di Jakarta, kelmarin.

Selain Sheik, tiga lagi pesilat juga mencatatkan kemenangan dalam lawatan sambil bertanding ke Indonesia, yang bermula dari Bali.

Mereka ialah pesilat bersaudara, Noor Rafili dan Zulfakar Mohd Ramli, dan Siti Fairuzah Mohd Zainuddin.

"Akhirnya, saya berjaya menebus kekalahan saya di tangan Trias, yang meranapkan impian saya di Kejohanan Silat Sedunia di Kuala Lumpur," kata Sheik, yang

disaksikan oleh pesilat Indonesia yang bakal ke Brunei.

Zulfakar, yang tewas di Bandung, berjaya mengembalikan tahap persembahananya dengan bertenga.

"Abangnya, Noor Rafili, menang dalam semua perlawanannya," kata Yusof, sambil menambah perlawanannya di Jakarta menggunakan tenaga wasit dan para juri.

Mengenai johan dunia, Abdul Kadir Ibrahim, Yusof berkata beliau menarik diri di pertengahan perlawanannya kerana mengadu kejang otot.

Persekutuan Silat Singapura (Persisi) menetapkan matlamat mengutip enam pi-

dihubungi di Jakarta semalam.

"Saya tidak berpeluang mengadakan perlawanannya di Bali dan Bandung. Mujur juga saya mempunyai pencabar di Jakarta.

"Kalau tidak, saya tidak berpeluang langsung menguji tahap keupayaan saya."

Jurulatih nasional itu bersama 14 pesilat dalam acara olahraga melawat Indonesia sebagai persiapan terakhir sebelum berangkat ke Brunei.

Pengurus pasukan Singapura, Mohamed Yusof Mohamed, berkata perlawanannya ujian itu lebih hebat daripada di Bali atau di Bandung.

"Empat pesilat sahaja yang menang," katanya.

Perlawanannya diadakan di kawasan terbuka, yang turut

ngat emas di Brunei. —